

Rosak kerana tak ikut peraturan Jambatan PAS: Pendedahan....

KOTA BHARU, Ahad — Laporan lengkap mengenai sebab-sebab berlaku kerosakan ke atas Jambatan Sultan Yahya Petra di sini dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kelantan hari ini.

Laporan tersebut hasil kajian dan penyiasatan sebuah Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan oleh Ahli Exco Kanan, Haji Abdul Ghani Abu Bakar.

Jambatan yang merentangi Sungai Kelantan bagi menghubungkan bandar ini dengan Jajahan Tumpat, Pasir Mas dan Tanah Merah dibina oleh Kerajaan Negeri yang lalu dengan belanja \$6.5 juta.

Haji Abdul Ghani sewaktu menjawab soalan Encik Mustapha Haji Yacob (BN-Gual Ipoh), menyebut sembilan sebab utama kenapa jambatan itu rosak.

● Kerajaan Negeri masa itu, tidak melibatkan langsung JKR Negeri sama ada dalam mereka bentuk jambatan itu atau penyediaannya.

● Kerajaan tidak menyasiat lebih awal lagi mengenai keadaan bumi sebelum tawaran dibuat.

● Teguran Allahyarham Tun

Oleh **NORDIN MOHAMAD**

Abdul Razak, (Timbalan Perdana Menteri pada masa itu) dalam sepucuk surat kepada Datuk Ishak Lofii (Menteri Besar pada masa itu) menasihatkan beberapa perkara penting tentang perlunya pembinaan jambatan ini dirangka dengan teliti tidak diendahkan.

● Jurutera perunding yang dipilih oleh Kerajaan Negeri tidak termasuk dalam senarai perunding-perunding yang ditawarkan dengan Pengarah JKR Negeri dan di samping itu, firma tersebut tidak dikenali oleh Pengarah itu.

● Perlantikan jurutera-jurutera perunding dan juru ukur, juga ditegur oleh Pengarah JKR Persekutuan Tanah Melayu.

● Didapati jurutera perunding pernah berkhidmat pemborong bilangan yang berjaya mendapat kontrak membina jambatan itu.

● Teguran Juruauudit Negeri yang antara lain tidak puas hati dengan pembinaan jambatan yang membazirkan wang rakyat.

● Cara pemilihan pemborong tidak berasas kepada perkiraan-perkiraan dan panduan-panduan yang cukup, malah bergantung terus kepada kata-kata dan pendapat perunding.

● Pemilihan penender dibuat tidak berasaskan kepada

kemurahan atau kemahalan, malah dibuat di atas kaitan unsur-unsur yang lain.

● Didapati masa yang dibuka bagi tawaran jambatan itu terlalu singkat, iaitu dari 23 Mac 1962 hingga 9 April 1962 (dua minggu). Tawaran ini dibuka kepada pemborong-pemborong sebelum mendapat keputusan kajian bumi.

Oleh sebab kesingkatan masa, dan penentuan tentang tanah yang belum ditasai, para pemborong tidak dapat membuat satu perkiraan dan ketentuan sepenuhnya, dan tidak sempat menyertai tawaran yang dibuka itu.

Haji Abdul Ghani berkata, faktor-faktor itu dari bukti-bukti ternyata yang terdapat dalam rekod-rekod tersimpan di Pejabat Setiausaha Kerajaan, Perbendaharaan Negeri dan JKR Negeri.

"Jawatankuasa ini berpendapat bahawa kerosakan Jambatan Sultan Yahya Petra kerana pembinaanannya tak mengikut peraturan-peraturan dan proses yang sewajarnya dilakukan.

Menjawab soalan tambahan Ustaz Nik Abdul Arshad (PAS-Beringin) Haji Ghani berkata, Kerajaan Negeri belum berancang mengambil sebarang tindakan.

Terdahulunya, Menteri Besar Haji Mohamad Yacob ketika menjawab soalan tambahan Ustaz Abdul Latif Haji Abdul Rahman (BN-Bukit Panau) berkata, Kerajaan Negeri membelanjakan \$993,000 bagi membaiki jambatan tersebut.